

06/11/1998

Kontraktor mampu bina hotel

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap masyarakat antarabangsa memberi perhatian terhadap keupayaan rakyat Malaysia dalam bidang pembinaan, khususnya pembangunan hotel.

Perdana Menteri berkata, ramai kontraktor binaan di negara ini sudah membuktikan kemampuan mereka dalam bidang berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, beberapa hotel di negara ini mempunyai bentuk binaan yang unik dan menarik, tetapi mampu dibina dalam tempoh singkat.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana Hotel Palace of The Golden Horses dapat dibina dalam tempoh 22 bulan.

Begitu juga dengan sebuah hotel di Langkawi yang mana kontraktornya mampu membina 300 bilik dalam tempoh 53 hari menjelang Pameran Maritim dan Antarabangsa Langkawi (Lima) sebelum ini.

"Jadi, di Malaysia, kita mempunyai kontraktor yang baik. Kita boleh membina dalam tempoh yang pantas.

"Saya harap orang asing akan menyedari hakikat ini apabila mereka sudah menghentikan tumpuan kepada "mahkamah".

"Kita membina dengan cepat dan dapat membina bangunan yang baik dan cantik. Malaysia mempunyai jurubina berkelayakan yang mampu membina bangunan-bangunan yang indah dan saya berasa bangga mengenai hotel yang dibina di Malaysia," katanya merasmikan Hotel Palace of The Golden Horses di Sungai Besi, dekat sini hari ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Country Heights Holdings Berhad, Tan Sri Lee Kim Yew.

Sambil mengakui industri pelancongan di negara ini agak terjejas berikutan kegawatan ekonomi, Dr Mahathir berharap keadaan itu akan pulih tidak lama lagi bagi membantu memajukan industri perhotelan di negara ini.

Mengenai Palace of The Golden Horses, Dr Mahathir secara berjenaka menyifatkan hotel berkenaan sebagai "kandang kuda paling mewah di dunia".

"Jika anda mempunyai kuda keemasan, anda perlulah juga mempunyai kandang yang mewah," kata beliau sambil disambut gelak-ketawa daripada 500 orang tetamu yang hadir.

Perdana Menteri berkata, hotel berharga RM250 juta itu amat unik dan kebanyakan tetamu kehormat yang pernah menginap di hotel berkenaan memberi pujian.

(END)